

**Khidmat IJN Perlu Diperluas, Bukan Sekadar Rawat Jantung Sahaja - Tun M
Bernama
9 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Perkhidmatan Institut Jantung Negara (IJN) perlu diperluas dalam bidang perubatan lain dan tidak hanya menawarkan serta menghadkan pada perawatan jantung semata-mata.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata IJN perlu memperkenalkan perkhidmatan baharu agar terus relevan dalam bidang perubatan dan perawatan.

"IJN perlu diperkembangkan dengan tidak terhad pada jantung sahaja sebaliknya kepada anggota badan yang berkaitan seperti paru-paru, termasuk berkaitan kardiovaskular dan operasi torasik," katanya kepada pemberita selepas Majlis Anugerah Khidmat Pekerja IJN pada Selasa.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan sijil perkhidmatan kepada 112 perintis IJN sejak 1992, termasuk Ketua Pegawai Eksekutif IJN Tan Sri Dr Robaayah Zambahari serta 45 petugas yang berkhidmat selama 10 dan lima tahun serta pesara IJN.

Dr Mahathir berkata pencapaian IJN amat mengagumkan dan menempa sejarah perubatan negara dengan melakar nama di dalam dan luar negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700711>